

**KENYATAAN DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-604 BIL.10/2024**  
**28 OKTOBER 2024**

---

**1) PERMOHONAN UNTUK LESEN PENGANJUR PASAR RAMADAN**

Dimaklumkan bahawa permohonan untuk **Lesen Penganjur Pasar Ramadan** akan mula dibuka pada **01 November 2024** dan tarikh tutup permohonan adalah pada **02 Januari 2025**. Borang-borang untuk penganjur Pasar Ramadan boleh diperolehi di :-

- i. Laman sesawang MBSP di  
[www.mbsp.gov.my/pelesenan/borang](http://www.mbsp.gov.my/pelesenan/borang)

Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon pada **20 Januari 2025**. Taklimat kepada penganjur dijadualkan pada **04 Februari 2025**.

Borang permohonan boleh dihantar di **Jabatan Pelesenan, Tingkat 1, Menara Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai**, Jalan Perda Utama, Bandar Perda. Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Jabatan Pelesenan, MBSP di talian **04-5497685 / 04-5497679**.

\*\*Nota : 1 Ramadan 1446 H : 02 Mac 2025

## **2) MBSP MELARANG MENJALANKAN PEMAJUAN TANPA KEBENARAN MERANCANG**

MBSP telah menjalankan pendakwaan di Mahkamah terhadap pemunya tanah yang telah menjalankan aktiviti pemajuan tanpa kebenaran merancang di Seberang Perai Tengah iaitu membina tempat mencuci kenderaan tanpa kebenaran. Pada 24 Oktober 2024, Orang Kena Saman (OKS) telah hadir ke Mahkamah Majistret Majlis Bandaraya Seberang Perai dan mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM15,000.00.

MBSP dengan ini mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai agar sentiasa mematuhi undang-undang dan tidak sewenang-wenangnya menjalankan sebarang aktiviti pemajuan tukarguna kediaman tanpa kebenaran merancang daripada MBSP.

MBSP akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu atau syarikat yang didapati menjalankan aktiviti pemajuan tukarguna kediaman tanpa kebenaran MBSP. Turut dinasihatkan agar kita semua mematuhi kehendak notis-notis dan syarat-syarat yang telah dikeluarkan oleh MBSP.

### **3) SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI**

Dimaklumkan sambutan Hari Deepavali akan disambut pada 31 Oktober 2024 iaitu pada hari Khamis. Pada hari tersebut adalah hari kelepasan am bagi Pulau Pinang. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang yang beragama Hindu. Selamat bercuti dan berhati-hati di jalanraya semasa musim perayaan ini. Justeru itu, saya ingin mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai supaya menjaga kesihatan dan mengamalkan amalan pemakanan yang baik dan sihat sepanjang sambutan musim perayaan ini.

Sekian, terima kasih.